

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN KEMPEN GALAKAN TABUNGAN PERINGKAT NASIONAL

TEMPAT: DEWAN TUN HUSSEIN ONN, PWTC, KUALA LUMPUR

TARIKH: 16 DEC 1996

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Bank Negara kerana menjemput saya untuk melancarkan kempen Galakan Tabung Peringkat Nasional pada hari ini.

2. Rakyat Malaysia patut bersyukur kerana ekonomi Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat semenjak kemerdekaan. Dalam tempoh lebih daripada tiga dekad, sebahagian besar daripada kemajuan ekonomi telah didorong oleh pelaburan swasta, termasuk pelaburan asing. Walaupun kita terus menerima pelaburan asing bagi membantu proses industrialisasi Malaysia, kita harus ingat bahawa ianya bukan sesuatu yang terjamin akan terus mengalir masuk seperti yang kita alami sekarang. Negara yang terlalu bergantung kepada modal asing bagi aktiviti pelaburannya akan terdedah kepada kepentingan negara-negara asing dan aliran ekonomi mereka dan kewangan dunia. Sepertimana yang berlaku dalam ekonomi dunia baru-baru ini, sentimen pelabur asing boleh berubah berasaskan perkembangan yang tidak berkaitan dengan perkembangan ekonomi tempatan. Walaupun kita akan terus mengalu-alukan pelaburan asing ke Malaysia, kita perlu bersedia untuk mengadakan kemampuan kita sendiri yang lebih mudah ditentukan oleh kita.

3. Oleh itu, negara kita perlu memiliki dan menguasai modal kita sendiri untuk menjamin pembangunan ekonomi kita tidak mudah terjejas.

4. Kemajuan ekonomi kita adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar pertumbuhan modal yang tinggi, yang mana bergantung kepada kadar tabungan. Malahan, faktor penting yang telah membolehkan Malaysia mencapai kemakmuran pada hari ini adalah kerana kadar tabungannya yang tinggi. Kadar tinggi ini telah membolehkan Malaysia membiayai pelaburan dalam negeri tanpa dibebani hutang yang besar dari luar negeri. Walaupun terdapat hubungan yang rapat di antara tabungan dan pertumbuhan ekonomi, dan ini jelas terbukti di beberapa buah negara Asia yang mempunyai kadar tabungan yang tinggi, kita juga perlu sedar bahawa tidak kurang pentingnya ialah kecekapan melabur

modal kita yang ditabungkan secara produktif.

5. Kadar tabungan yang tinggi di Malaysia bergantung kepada beberapa faktor yang penting. Kita faham bahawa inflasi menyebabkan nilai matawang kita menurun. Dengan itu wang yang kita simpan akan susut nilainya. Lebih tinggi inflasi lebih banyaklah susutan nilai wang yang kita tabungkan. Jika wang yang ditabung dilabur dan mendatangkan keuntungan yang lebih daripada kadar inflasi, maka baharulah tabungan memberi makna. Justeru itu, adalah penting kadar inflasi kita tidak tinggi sehingga melebihi pulangan daripada pelaburan. Sudah tentu lebih rendah kadar inflasi lebih berfaedahlah tabungan yang dibuat. Sebab itu Kerajaan menggesa semua pihak supaya bekerjasama untuk mengawal inflasi. Nilai tabungan kita tidak akan merosot dan kita rugi semata-mata kerana kita tidak membelanja segala pendapatan kita.

6. Sebahagian besar tabungan di Malaysia adalah disebabkan simpanan wajib seperti caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Employees Provident Fund dan tabung-tabung lain. Ada juga tabungan secara sukarela seperti menyimpan dengan Tabung Haji. Semua simpanan ini dilabur dan pendapatan daripada pelaburan menguntungkan penabung. Tetapi pelaburan secara sukarela boleh juga dibuat melalui simpanan dalam Bank Simpanan Nasional dan tabung-tabung lain atau melalui pelaburan dalam saham-saham amanah. Semua wang yang terkumpul melalui apa juga jenis tabungan dapat menaikkan modal untuk dilabur dalam kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan yang menolong membangunkan ekonomi negara kita.

7. Kesejahteraan hidup setiap rakyat mempunyai kaitan yang rapat dengan ekonomi negara. Jika hari ini kita semua dapat bekerja dan upah kita lebih tinggi daripada upah dan peluang kerja di negara-negara yang lain, sebabnya ialah kerana ekonomi negara kita tumbuh dengan lebih pesat daripada kebanyakan negara lain. Satu daripada sebabnya ekonomi kita tumbuh dengan pesat ialah kerana modal terkumpul negara kita tinggi dan dapat membiayai pelaburan untuk infrastruktur, perdagangan dan industri. Jika modal dalam negeri berkurangan maka kita terpaksa berhutang dari negara asing. Dengan itu sebahagian besar daripada pendapatan kita akan diguna untuk membayar hutang luar dan ini akan menghakis kewangan negara. Sekali lagi jelas betapa pentingnya kita perlu menabung. Secara langsung atau tidak langsung kita akan dapat keuntungan daripada menabung sebahagian daripada pendapatan kita.

8. Wang yang ditabung perlu dilabur. Jika kita

hanya menabung ada kemungkinan nilai wang yang kita tidak belanja ini akan merosot, iaitu barangan yang boleh dibeli dengan wang ini akan berkurangan sepanjang masa. Ini adalah kerana, seperti saya sebutkan tadi, inflasi biasanya menyerang ekonomi negara. Lebih tinggi inflasi, lebih banyaklah susutnya nilai wang yang disimpan. Sebaliknya jika kita melabur dalam keadaan inflasi sifar maka keuntungan yang didapati adalah yang tertinggi mungkin. Jika ada pun inflasi, wang simpanan yang dilabur masih dapat mendatangkan keuntungan, melainkan jika inflasi terlalu tinggi. Alhamdulillah, di Malaysia inflasi hampir tidak pernah melebihi pulangan daripada pelaburan.

9. Walaupun wang yang ditabungkan perlu dilabur, tetapi melabur bukanlah sesuatu yang boleh dibuat dengan mudah. Jika silap melabur semua wang akan hilang begitu sahaja. Terdapat ramai yang kehilangan wang ganjaran pencen umpamanya, kerana melabur secara tidak bijak.

10. Apabila sahaja kita diketahui memiliki wang, akan adalah mereka yang membawa cadangan pelaburan yang boleh melipatgandakan wang kita dalam sekelip mata. Ramai juga orang yang terpelajar yang percaya dengan cerita kononnya wang kertas sepuluh ringgit boleh menjelma menjadi seribu ringgit apabila sesuatu dibuat kepada wang itu. Dan mereka ini mendapati semua wang yang ada pada mereka hilang. Ada juga orang yang melabur berasaskan cerita bahawa keuntungan yang amat besar boleh diperolehi dalam sesuatu perniagaan. Mereka ini juga hilang semua wang yang mereka labur. Sebenarnya keuntungan daripada pelaburan biasanya sederhana, bahkan mengambil masa untuk mendapat pulangan.

11. Untuk mengelak daripada ditipu adalah lebih baik jika pelaburan dibuat melalui skim-skim amanah saham yang diurus oleh profesional. Sudah banyak skim amanah yang terbuka untuk kita melabur. Ada yang diurus oleh institusi-institusi yang ditubuh oleh Kerajaan dan ada juga skim amanah saham yang diurus oleh pihak swasta. Pulangan daripada pelaburan dalam amanah saham memang tidak besar tetapi biasanya ia selamat dan lebih baik daripada hanya disimpan dalam bank sebagai simpanan tetap. Pulangan daripada pelaburan dalam skim-skim amanah saham yang diurus oleh PNB amatlah tinggi dan mereka yang layak hendaklah melabur dalam skim-skim ini. Ada juga skim amanah yang diurus oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang turut memberi pulangan yang baik.

12. Jika mereka tidak ingin melabur dengan amanah saham, adalah lebih baik mereka menyimpan wang dalam bank biasa atau Bank Simpanan Nasional daripada

menyimpan di rumah atau disembunyi di tempat-tempat tertentu. Sudah ramai yang kehilangan semua wang tabungan yang disimpan di rumah kerana berbagai-bagai sebab.

13. Pelaburan juga boleh dibuat melalui insuran dan skim takaful. Pelaburan seperti ini adalah seperti menyediakan payung untuk waktu hujan. Ia boleh menolong kita semasa kecemasan di samping menjadi wang simpanan kita.

14. Selamat dan bahagia seseorang bergantung kepada apa yang diamal olehnya. Orang yang berjimat-cermat lebih selamat daripada tekanan nasib yang buruk yang mungkin menyerangnya pada bila-bila masa. Tidak ada siapa yang bebas daripada masalah sepanjang kehidupannya. Jika ia bersedia maka apa juga tekanan malapetaka akan dapat dikurangkan sedikit sebanyak jika pun tidak sepenuhnya. Menabung adalah satu jalan yang baik untuk menangkis gejala-gejala yang merintangi hayat seseorang.

15. Demikian juga dengan sebuah negara. Jika rakyat negara berkenaan sedia menabung dan berjimat-cermat, maka negara akan turut lebih terselamat. Wang simpanan rakyat dalam bank atau saham amanah atau insuran dan takaful akan menjadi modal pinjaman yang baik oleh Kerajaan atau swasta tanpa meminjam dari luar yang mana ia tentu akan menyebabkan pengaliran keluar wang negara. Dalam keadaan kita mengalami imbalance bayaran import yang melebihi hasil daripada eksport, pengaliran wang kerana pinjaman dari luar akan memburukkan lagi imbalance bayaran kita. Jika kedudukan kewangan kita masih kukuh walaupun bayaran import melebihi eksport, sebabnya ialah kerana tabungan kita adalah sihat. Selagi tabungan kita tinggi selama itulah kita akan dapat menangkis krisis kewangan yang mungkin melanda negara kita.

16. Memandang kepada keuntungan bagi diri sendiri jika kita menabung dan sumbangan kita secara tidak langsung kepada kesihatan ekonomi negara, maka amatlah penting kita memupuk budaya menabung. Untuk menabung kita perlu berjimat-cermat, iaitu kita mengurus perbelanjaan kita dengan bijak dengan tidak menghabiskan semua pendapatan kita tanpa menyimpan sebahagian daripadanya. Walaupun kita hanya menyimpan satu sen, ia akan mendatangkan manfaat kepada kita kerana ia merupakan satu tabiat yang baik. Jika kita dapat menyimpan satu sen kerana pendapatan kita rendah, maka apabila pendapatan kita meningkat tabiat menyimpan akan mendorong kita menyimpan lebih banyak.

17. Jika sudah menjadi tabiat kita menghabiskan semua pendapatan kita dan lebih buruk lagi kita

membelanja lebih daripada pendapatan dengan berhutang, maka walaupun pendapatan kita bertambah, tambahan ini perlu diguna untuk membayar hutang dan kemudian kita akan berhutang lagi, mungkin lebih banyak lagi. Dengan itu kita akan menjadi penghutang seumur hidup.

18. Orang yang mempunyai budaya menabung akan dapat menyelamatkan dirinya apabila menghadapi kecemasan. Apabila menabung menjadi satu tabiat maka apabila pendapatan bertambah simpanan juga akan bertambah. Dan ini dapat menolong mengatasi kebanyakan masalah dan kemalangan yang menimpanya. Lebih banyak kita menabung, dan lebih ramai rakyat menabung maka lebih tinggilah pertumbuhan ekonomi negara. Dan dengan pertumbuhan ekonomi negara yang baik kita juga akan dapat banyak nikmat daripadanya. Sesungguhnya kita hidup selesa, berpeluang bekerja atau berniaga adalah kerana ekonomi negara kita maju. Kita tidak boleh pisah diri kita daripada ekonomi negara kita. Maju kita adalah kerana kemajuan negara kita, dan majunya negara kita adalah hasil usaha dan amalan-amalan kita. Baik amalan dan tabiat kita, baiklah negara kita.

19. Menabung adalah tabiat yang baik; baik bagi kita dan baik juga bagi negara kita. Oleh itu amalkanlah budaya menabung kerana hanya kebaikan sahaja yang akan diperolehi daripadanya.

20. Kejayaan kempen ini bergantung kepada kerjasama daripada semua rakyat Malaysia. Pada asasnya, terdapat beberapa faktor yang akan memastikan kejayaannya. Pembangunan infrastruktur kewangan akan menyumbang kepada usaha menggalakkan orang ramai menabung. Dengan menjadikan menabung selesa dan menarik, dengan memperkenalkan produk dan skim-skim baru, mengurangkan karenah dan halangan-halangan lain, menabung akan menjadi satu pengalaman yang seronok dan menarik.

21. Pihak Kerajaan memberi keutamaan kepada usaha menggalakkan tabungan. Sikap ini digambarkan oleh penubuhan Jawatankuasa Kabinet bagi menyelia dan menyelaras pelaksanaan ke semua program dan projek berkaitan dengan strategi galakan tabungan. Dalam konteks yang lebih luas, pihak Kerajaan akan terus melaksanakan dasar yang menjurus kepada pencapaian kestabilan harga secara relatif, agar persekitaran untuk menabung akan menjadi selesa supaya tidak wujud kebimbangan bahawa inflasi akan menghakis nilai benar tabungan di sepanjang masa. Pihak Kerajaan, melalui pelbagai program, termasuk penyebaran maklumat, akan meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat mengenai kepentingan menabung dan kebaikan daripada tabiat perbelanjaan yang bijak.

22. Sektor perbankan tidak harus hanya memikirkan tentang keuntungan semata-mata. Mereka juga mempunyai tanggungjawab moral terhadap masyarakat. Adalah juga menjadi kepentingan bank sendiri untuk menggalakkan tabungan. Dengan berbuat demikian, ia akan memastikan pertumbuhan ekonomi kita di masa hadapan. Bagi tujuan ini, adalah perlu infrastruktur kewangan ditingkatkan untuk mewujudkan suasana yang selesa dan menarik bagi orang ramai menabung. Institusi perbankan perlu meneliti operasinya secara kritikal untuk mengkaji dan mengenalpasti bidang yang boleh memantapkan usaha menggerakkan tabungan. Justeru itu, adalah menjadi kepentingan bank sendiri untuk memupuk penyimpan-penyimpan kecil menabung sejak dari awal lagi, untuk memastikan yang mereka akan terus menjadi pelanggan bank di masa hadapan. Bank juga perlu sedar akan faedah jangka panjang usaha-usaha memupuk budaya menabung di kalangan generasi muda kita. Walaupun jumlah tabungan mereka mungkin kecil, tabiat yang dipupuk adalah baik untuk masa hadapan.

23. Memandangkan kepentingan maklumat di dalam kempen ini, pihak media massa mempunyai peranan penting untuk memastikan mesej tabungan disebarkan kepada segenap lapisan masyarakat Malaysia. Saya percaya bahawa media massa akan menunaikan peranannya dengan memberi penekanan dan liputan yang lebih luas terhadap pentingnya menabung, agar mesej ini boleh disampaikan dengan berkekalan kepada segenap lapisan masyarakat.

24. Kejayaan kempen ini dalam meningkatkan kadar tabungan di Malaysia bergantung kepada kita semua. Pihak Kerajaan, beriltizam untuk menetapkan hala tuju dan menyediakan segala bantuan untuk mencapai objektif tersebut. Walau bagaimanapun, kita memerlukan kerjasama pihak institusi-institusi kewangan, media massa dan sudah tentu seluruh warga Malaysia untuk memastikan kejayaannya. Saya menyeru semua rakyat Malaysia untuk mematuhi seruan kempen untuk menabung supaya hari esok kita lebih selamat dan bahagia.

25. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Kempen Galakan Tabungan.